

'Saya sedih PM kena jawab tuduhan'

KUALA LUMPUR: Ketua Pemuda Umno, Datuk Seri Hishammuddin Hussein sedih kerana Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi terpaksa menjawab tuduhan yang menyatakan Perdana Menteri mendapat nasihat menantunya, Khairy Jamaludin dalam urusan pentadbiran kerajaan.

Beliau berkata, tuduhan berkenaan jelas tidak berasas dan dilakukan mereka tidak bertanggungjawab.

"Amat menyedihkan. Saya rasa sedih Perdana Menteri terpaksa menjawab semua tuduhan dibuat terhadap Khairy tetapi akhirnya yang tidak benar, tetap tidak benar," katanya pada sidang media selepas melancarkan upacara pecah tanah projek pembinaan Sekolah Kebangsaan Bandar Seri Putera, di sini, semalam.

Beliau mengulas penafian Abdullah kelmarin bahawa menantunya, Khairy adalah penasihatnya.

Abdullah dilaporkan berkata, segala keputusan berkaitan urusan pentadbiran dan dasar kerajaan dibuatnya sendiri selepas mempertimbangkan apa yang terbaik untuk rakyat serta negara.

Hishammuddin menyifatkan tuduhan berkenaan sengaja dibuat pihak tidak bertanggungjawab dan 'suka menanggung di air keruh'.

"Dan (akhirnya) orang akan tahu dan rakyat sekarang sudah matang dan bagi saya kita akan buktikan (sama ada benar atau tidak tuduhan itu) pada masa sesuai," katanya.

Beliau turut mengajak rakyat tidak terpengaruh dengan tuduhan sedemikian sebaliknya memberi menumpukan kepada agenda lain lebih besar seperti melaksanakan segala projek dan program menerusi Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9)